

**LAPORAN TAHUNAN 2018**  
**UNIT PUSAT SUMBER KKMM**  
**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**  
**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**1. LATAR BELAKANG**

- 1.1. Sejarah awal Pusat Sumber bermula di Angkasapuri di mana telah ditubuhkan pada tahun 1950 dan dikenali sebagai Perpustakaan Penyelidikan. Pada tahun 1996 namanya telah ditukar kepada Pusat Sumber Maklumat. Kemudian pada 2003 ia menggunakan nama Pusat Sumber sahaja.
- 1.2. Lanjutan dari penstrukturan semula Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan atau KPKK, mulai Jun 2009 Pusat Sumber (Sektor Penerangan) di Angkasapuri telah diarahkan untuk bergabung dengan Pusat Sumber (Sektor Kebudayaan) di Bangunan Sultan Abdul Samad (BSAS) mengikut fungsi. Kedua-dua Pusat Sumber ini dikenali sebagai Pusat Sumber KPKK. Pusat Sumber KPKK (Angkasapuri) mempunyai koleksi bahan berkaitan bidang penyiaran, perfileman, industri muzik tempatan dan bidang – bidang berkaitan manakala Pusat Sumber KPKK (BSAS) mempunyai koleksi di bidang terasnya iaitu mengenai kebudayaan, kesenian dan warisan. Pusat Sumber KPKK kemudiannya telah ditempatkan di Aras 4, Kompleks KPKK, Presint 4, Persiaran Perdana, Putrajaya pada 2011 dengan keluasan 20, 096.88 kaki persegi.
- 1.3. Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) berikutan dengan penstrukturan semula kabinet yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 15 Mei 2013. Sehubungan itu juga Pusat Sumber KPKK dikenali sebagai Pusat Sumber KKMM.
- 1.4. Pada 1 Januari 2015, Unit Pusat Sumber diletakkan di dalam Bahagian Khidmat Pengurusan, Sektor Pengurusan KKMM. Bermula 1 Januari 2016, pengurusan kewangan Pusat Sumber diselaraskan oleh Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan.

**2. VISI, MISI DAN OBJEKTIF**

**2.1. Visi**

Menjadi pusat kecemerlangan maklumat terunggul di bidang teras iaitu komunikasi, multimedia, penyiaran, perfileman, industri muzik tempatan dan bidang berkaitan.

**2.2. Misi**

Memupuk dan membina pegawai-pegawai kementerian yang berilmu dan berpengetahuan bagi membolehkan mereka membuat keputusan terbaik serta menjalankan tugas ke taraf profesional.

### 2.3. Objektif

Menyediakan bahan rujukan dan bahan bacaan dalam pelbagai format yang komprehensif dan terkini serta perkhidmatan tambah nilai untuk memenuhi keperluan maklumat selaras dengan visi dan misi kementerian.

## 3. PERJAWATAN

3.1. Pusat Sumber KKMM dianggotai seramai 15 pegawai dan kakitangan iaitu seperti berikut:

| JAWATAN/GRED                  | GRED    | BILANGAN  | PENGISIAN<br>(SEHINGGA<br>31.12.2018) |
|-------------------------------|---------|-----------|---------------------------------------|
| Ketua Pusat Sumber            | S48     | 1         | 1                                     |
| Pustakawan Kanan              | S44     | 1         | 1                                     |
| Pustakawan                    | S41     | 1         | 1                                     |
| Penolong Pustakawan Kanan     | S32     | 1         | 1                                     |
| Penolong Pustakawan           | S29     | 2         | 1                                     |
| Pembantu Pustakawan Kanan     | S22     | 1         | 1                                     |
| Pembantu Pustakawan           | S22/S19 | 5         | 4                                     |
| Pembantu Tadbir (P/O)         | N19     | 1         | 0                                     |
| Pembantu Operasi              | N11     | 1         | 1                                     |
| Penolong Pegawai Tadbir (SPS) | N29     | 1         | Ditempatkan<br>di BKP mulai<br>2018   |
| <b>JUMLAH</b>                 |         | <b>15</b> | <b>11</b>                             |

3.2. Senarai perjawatan adalah seperti berikut:

- i. Puan Noraini binti Saidin , Ketua Pusat Sumber S48
- ii. Faridah binti Zainal Abiddin, Pustakawan Kanan S44  
**(bersara pada 3 Jun 2018)**  
Pengganti: Puan Rosimah binti Soad
- iii. Zainura binti Ahmad, Pustakawan S41
- iv. Ku Rohana binti Ku Hamid, Penolong Pustakawan S32
- v. Noor Hasni binti Hassan, Penolong Pustakawan S29
- vi. Kosong, Penolong Pustakawan S29
- vii. Rohalida binti Isnin @ Hamdan, Pembantu Pustakawan Kanan S22
- viii. Azlina binti Abdul Aziz. Pembantu Pustakawan S22

- ix. Haslinawati binti Mohamed Damanhuri, Pembantu Pustakawan S22
- x. Haslina binti Misdi, Pembantu Pustakawan S22
- xi. Anglia Anak Juan, Pembantu Pustakawan S19
- xii. Kosong, Pembantu Pustakawan S19
- xiii. Kosong, Pembantu Tadbir (PTO) N19
- xiv. Kosong, Pembantu Operasi N11

3.3. Berikut adalah maklumat pertukaran masuk dan keluar pegawai di sepanjang tahun 2018:

| NAMA PEGAWAI & JAWATAN                                   | TARIKH         | PERTUKARAN                                                                    |
|----------------------------------------------------------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------|
| Puan Revati a/p Nandagopalan                             | 2 Januari 2018 | Penempatan SPS terkini di Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 27, Kompleks KKMM |
| Puan Sabariah binti Abd Ghani<br>Penolong Pustakawan S29 | 8 Januari 2018 | Bertukar keluar ke Perpustakaan Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek, Nilai |
| Encik Aznan bin Iteng@Yatim<br>Pembantu Operasi N11      | 19 Mac 2019    | Ditempatkan di Pusat Sumber dari BKP                                          |
| Puan Faridah binti Zainal Abiddin                        | 3 Jun 2018     | Bersara                                                                       |
| Puan Rosimah binti Soad<br>Pustakawan Kanan S44          | 1 Oktober 2018 | Bertukar masuk dari Perpustakaan Negara Malaysia                              |

#### **4. LATIHAN**

4.1 Semua pegawai dan staf Pusat Sumber telah menghadiri pelbagai kursus sepanjang tahun 2018 anjuran KKMM dan juga dari luar kementerian bagi meningkatkan kompetensi walaupun pelaksanaan dasar berkursus tujuh hari setahun bagi semua penjawat awam telah ditangguhkan oleh JPA mulai 29 Februari 2016.

#### **5. KEWANGAN**

Perbelanjaan Pusat Sumber di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan dari Januari hingga Disember 2018 adalah sebanyak RM62,980.00.

#### **6. PENCAPAIAN**

6.1. Pusat Sumber KKMM telah menerima kunjungan seramai 1,212 orang pengguna/pengunjung pada 2018. Jumlah kumulatif ahli Pusat Sumber adalah 3,641 orang di mana pada Januari-Disember 2018, keahlian baru adalah 83 orang.

6.2. Sebanyak 2,694 bahan koleksi Pusat Sumber telah dipinjam pada tahun 2018 oleh seramai 590 peminjam.

6.3. Bilangan penggunaan Internet dan pangkalan data di Pusat Sumber mencapai 18,998 hits iaitu penggunaan Internet (46), WebOpac (2,086), WebInfoline (1,853), Lawnet (69), BLIS (9,487). Penggunaan portal Pusat Sumber yang direkodkan pada 2018 adalah sebanyak 6350 dan 14,107 halaman telah dikunjungi oleh pengguna.

6.4. Bagi menambahkan sumber rujukan dalam bentuk digital, Pusat Sumber telah melaksanakan aktiviti pendigitan di mana sebanyak 51 judul bahan (7,965 muka surat) telah didigitalkan. Sebanyak 219 rekod buku, 588 artikel majalah dan 1,623 artikel akhbar telah didokumentasi dan boleh diakses melalui pangkalan data WebOpac dan WebInfoline.

6.5. Pada tahun 2018, Pusat Sumber tidak menerima peruntukan untuk pembelian buku walaupun begitu, sebanyak 212 naskhah buku telah diperolehi oleh Pusat

Sumber melalui hadiah menjadikan koleksi kumulatif berjumlah 58,054 (58,266) naskhah pada 2018. Sebanyak 6,291 bahan bacaan pula telah diproses meliputi buku, suratkhbar dan majalah.

## **7. SISTEM DAN AUTOMASI**

### **7.1 Sistem Perpustakaan**

Perjanjian sistem ILMU untuk tahun 2018 melibatkan kos RM20,889.55 ( termasuk SST). Perjanjian ini melibatkan 4 kali Penyenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance), 1 kali Pemeriksaan Keupayaan Sistem (Sistem Health Check), 1 kali Sistem Semak Audit (Sistem Audit Check) dan 1 kali bengkel/latihan untuk kakitangan Pusat Sumber. Bagaimanapun bagi kes kerosakan kecil dan khidmat nasihat, tiada kos tambahan dikenakan terhadap Pusat Sumber.

### **7.2 Panel keselamatan**

Untuk keselamatan bahan Pusat Sumber, sepasang pintu/ panel keselamatan telah diletakkan di pintu masuk laluan utama Pusat Sumber. Pada tahun 2018, 1 kali penyenggaraan panel keselamatan telah dilaksanakan melibatkan kos sebanyak RM880.00 (termasuk GST) iaitu telah dibuat pada bulan Julai 2018.

### **7.3 Jumlah peralatan komputer Pusat Sumber**

Pusat Sumber mempunyai 1 unit projektor LCD (pinjaman tetap daripada BPM). 1 Unit diletakkan secara kekal di Bilik Komputer Pusat Sumber. Pusat Sumber juga mempunyai 77 unit komputer. Daripada jumlah tersebut :

- 19 unit (kakitangan Pusat Sumber),
- 4 unit (Sudut Siber)
- 44 unit (Bilik Latihan),
- 3 unit ( Bilik Teknikal)
- masing-masing 2 unit (Sudut Web OPAC, Ruang Pengimbas Pentadbiran, Ruang Pengimbas Perkhidmatan dan Kaunter Pinjaman).
- 2 unit (Bilik Koleksi Khas)
- 1 unit (Bilik Promosi)
- 2 unit (Kaunter Perkhidmatan)
- 2 Web OPAC

## 8. PENGURUSAN ASET DAN KEMUDAHAN

### 8.1

| BIL                    | TARIKH              | PERKARA                                                                                                                                                                   | CATATAN/SUMBER                                                                                      |
|------------------------|---------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>PENGURUSAN ASET</b> |                     |                                                                                                                                                                           |                                                                                                     |
| 1.                     | 16-30 November 2018 | Pemeriksaan Aset di Pusat Sumber oleh Pegawai Pemeriksa Aset Kementerian iaitu:<br>Puan Norhabibah binti Abd Hamid dan Encik Mohamad Asri bin Mahmud, Bahagian Akaun KKMM | Jumlah aset yang diperiksa sebanyak 883<br><br>(pemeriksaan ditangguhkan kepada Bulan Januari 2019) |

### 8.2 Penggunaan Bilik Latihan Pusat Sumber

Sepanjang tahun 2018, Pusat Sumber telah menerima sebanyak 39 tempahan dengan penggunaan bilik latihan sebanyak 78 hari dari bahagian/unit dalaman KKMM serta jabatan/agensi KKMM yang memerlukan makmal komputer bagi menjalankan bengkel/kursus.

## 9. AKTIVITI

### Aktiviti Pusat Sumber

Pusat Sumber KKMM telah menganjurkan beberapa aktiviti sepanjang Januari-Disember 2018 bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca khususnya di kalangan warga KKMM.

- **Program *Library To You (Library2U)***  
Perkhidmatan berkonsepkan pameran dan pinjaman buku secara meja ke meja adalah untuk mempromosikan koleksi terkini Pusat Sumber di samping meningkatkan pinjaman bahan. Program ini telah diadakan pada 23 Februari di Aras 24, Kompleks KKMM (Unit Audit Dalam, Pejabat Penasihat Undang-undang dan PUSPAL) dan 26 Julai di Lobi KKMM. Dianggarkan seramai 65 orang telah menjayakan kedua-dua program tersebut.
- **Sambutan Hari Buku Sedunia 2018**  
Program Sambutan Hari Buku Sedunia pada 23 April setiap tahun adalah bagi meraikan buku dan pembacaan di seluruh dunia anjuran oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi meraikan buku dan

pembacaan di seluruh dunia. Hari tersebut disambut oleh lebih 100 negara di seluruh dunia dan Pusat Sumber KKMM meraikannya dengan menganjurkan pelbagai aktiviti. Pada tahun ini, sambutan Hari Buku Sedunia telah disambut di peringkat kebangsaan pada 24 April 2018. dengan aktiviti seperti berikut:

- Jom Baca untuk 10 minit
- Bicara Buku “Kedaulatan Raja-Raja Melayu:Jurispruden, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan oleh Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain
- Pertandingan Ulasan Buku  
(18 April hingga 2 Mei 2018)

Seramai 76 orang pengunjung di kalangan warga KKMM telah melibatkan diri di dalam program ini.

- **Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2018**  
Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur kali ke 37 ini telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 27 April hingga 6 Mei 2018 dengan tema “Lakaran Karya Merentas Peradaban Bangsa”. Bersempena dengan pesta buku tersebut, Pusat Sumber KKMM telah menganjurkan lawatan pada 3 Mei 2018 bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca dan penyelidikan di kalangan warga KKMM serta memberi peluang kepada warga KKMM untuk mendapatkan buku terkini di samping menyokong industri penerbitan dan perbukuan tempatan. Seramai 27 orang peserta dari pelbagai bahagian dan unit KKMM telah menyertai lawatan ini.
- **Program Sempena Sambutan Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan 2018 KKMM**  
Program ini telah dilaksanakan pada 26 Oktober 2018 di Dewan Serbaguna, Aras B1 dengan kerjasama Pusat Sumber dan Fotografi, Jabatan Penerangan Malaysia dan pihak Karang kraf Media. Pengisian aktiviti dalam program tersebut adalah:
  - Bicara Buku oleh Dr. HM Tuah Iskandar Al-Haj pada 25 Oktober 2018
  - Sesi Bersama Penulis Ramlee Awang Murshid pada 26 Oktober 2018
  - Pameran Sejarah Bahasa Melayu (dengan kerjasama PNM) bermula pada 23-31 Oktober 2018
  - Jualan Buku oleh Penerbit Karang kraf pada 25 dan 26 Oktober 2018

Seramai 229 orang peserta dari pelbagai bahagian dan unit KKMM telah menyertai program tersebut.

- **Pinjaman Kelompok Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)**  
 Pusat Sumber KKMM telah mengambil inisiatif untuk menjadi ahli pinjaman kelompok Perpustakaan Negara Malaysia bermula pada bulan Jun 2016. Pada 12 April sehingga 31 Julai 2018, sebanyak 221 bahan lagi telah dipinjam di Unit Pinjaman Kelompok, PNM selama 4 bulan dengan tujuan untuk menambahkan koleksi bahan pinjaman dan untuk memberi lebih pilihan serta kepelbagaian bahan kepada pengguna bagi menarik minat mereka mengunjungi Pusat Sumber.
- **Program Literasi Maklumat**  
 Pada 29 Mei 2018 , Pusat Sumber telah mengadakan Bengkel Literasi Maklumat (BLIS) dengan keutamaan kepada staf Pusat Sumber untuk memantapkan pengetahuan dan pengalaman dalam perkhidmatan perpustakaan serta promosi Pusat Sumber. Seramai 22 orang telah menyertai bengkel ini termasuk dari perpustakaan jabatan dan agensi KKMM serta perpustakaan sekitar Presint 4, Putrajaya. kepada para peserta bengkel.
- **Pameran bertema Pusat Sumber**  
 Pada tahun 2018, sebanyak tiga pameran bertema telah dilaksanakan iaitu :

  - Pameran bertema Pilihan raya pada 9 April-8 Mei 2018
  - Pameran Bertema Tokoh Pejuang Kemerdekaan pada 21 Ogos hingga 20 September 2018
  - Pameran Sempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia pada 18 Disember 2018 hingga 11 Januari 2019
- **Perkhidmatan Maklumat Pusat Sumber**  
 Sebanyak 10 hebahan telah dibuat meliputi maklumat dan aktiviti Pusat Sumber, pameran dan koleksi buku terkini yang terdapat di Pusat Sumber. Sepanjang tahun 2018, artikel terpilih berkaitan pengurusan dan kepimpinan juga telah diedarkan melalui emel kepada kumpulan Pengurusan KKMM.